

**Pelancongan Mampu Rangsang Pembangunan Uzbekistan - Duta Malaysia  
Bernama  
06 Julai, 2012  
Daripada Nabilah Saleh**

TASHKENT (Uzbekistan), 6 Julai (Bernama) -- Uzbekistan boleh bergantung kepada industri pelancongannya, bukan sahaja untuk menarik pelancong asing tetapi juga merangsang pembangunan negara, kata Duta Malaysia ke negara itu Abdul Aziz Harun.

Katanya memandangkan pelancongan kini industri yang semakin berkembang di Uzbekistan, sektor itu dapat mempromosikan negara tersebut secara meluas kepada dunia dan menarik pelancong, sekali gus menjana pendapatan negara dengan cepat.

"Kerajaan Malaysia percaya bahawa pelancongan merupakan antara cara untuk menjana duit dengan mudah di mana-mana negara, dan hari ini sektor itu terus berkembang baik di Uzbekistan," katanya kepada Bernama, selepas pertemuan dengan kumpulan ejen pelancongan dan wartawan Malaysia, di sini.

Kumpulan itu mengadakan lawatan seminggu bagi mengenali Uzbekistan menerusi tiga bandar rayanya iaitu Tashkent, Samarkhand dan Bukhara baru-baru.

Uzbekistan dikenali dengan bandar raya purbanya iaitu ketika peradaban Islam antara abad ke-8 dan ke-15, selain cendekiawan Islam seperti Alexander The Great, Imam Al-Bukhari, Imam Al-Tirmizi dan Ibnu Sina. Ini sahaja sudah mampu memikat umat Islam di Malaysia.

Katanya peluang melawat tinggalan peradaban Islam di tiga bandar raya terbabit harus dimanfaatkan umat Islam di Malaysia, bagi menyaksikan sendiri keindahan reka bentuk bangunan dan monumen yang ada.

Bagi yang ingin bermain ski, Uzbekistan juga sesuai kerana negara yang didiami lebih 27 juta penduduk ini terkenal dengan gunungnya iaitu Beldersay dan Chimgan. Salji kering di negara ini sememangnya sesuai untuk bermain ski dan resort ski terbaik di Asia Tengah juga terletak di kedua-dua gunung berkenaan.

Abdul Aziz yang telah berada di sini sejak 2008, juga berkata Malaysia dan Uzbekistan mempunyai banyak persamaan daripada segi saiz dan jumlah penduduk selain merupakan negara berbilang bangsa.

Katanya kerajaan Malaysia juga memuji usaha Uzbekistan dalam mewujudkan syarikat penerbangan yang kukuh iaitu Uzbekistan Airways, yang menghubungkan negara itu dengan lebih 20 destinasi di seluruh dunia seperti New York, Bangkok, Seoul, London, Paris, Geneva, Rom, Milan, Kuala Lumpur, Osaka dan Beijing.

"Sebagai negara yang dikelilingi daratan, polisi sedemikian membantu negara ini daripada terpinggir, yang mana ini sangat dipuji," katanya.

Mengulas lanjut mengenai industri pelancongan Uzbekistan, beliau menyarankan negara tersebut yang merdeka daripada Rusia pada 1991, melaksanakan pendekatan yang komprehensif menerusi kerjasama antara kerajaan dan swasta.

Uzbekistan juga boleh belajar daripada Malaysia dan mempelawa syarikat penerbangan dari negara lain untuk berpangkalan di Tashkent, selain mengiktiraf pentingnya pemandu teksi menggambarkan imej negara itu.

Ini bagi meningkatkan lagi perkhidmatan mesra pelanggan, katanya menambah ketika peringkat awal kemerdekaan hanya kira-kira 500,000 pelawat asing mengunjungi Uzbekistan, namun tahun lepas melonjak kepada 1.3 juta.

Duta itu juga berkata Malaysia sedia berkongsi pengalamannya dengan Uzbekistan mengenai pelancongan dan tidak menolak kemungkinan negara tersebut menjadi antara destinasi utama pelancong suatu hari nanti.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=678541>